

## A REFLECTIVE INTERPRETATION; IMAGINATION AND SELF-DEFINITION

### SEBUAH INTERPRETASI ‘REFLEKSI’; BAYANGAN DAN MAKNA DIRI

Mohd Affwan Izam Romli<sup>1</sup>, Hamdan Shaarani<sup>2</sup>,  
Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus,  
32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA  
affwanizam@uitm.edu.my, hamdan773@uitm.edu.my

Published : 19 April 2019

eISSN: 2550-214X © 2019. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

---

HAMDAN SHAARANI. Tidaklah diasah untuk terus berada dalam parameter atau kerangka Realisma secara berterusan, namun keunikan ideologi dan pegangan Hamdan seakan memecah ruang artistik ‘baharu’ dalam pengucapan bahasa alam secara mujarad.

Langkah Hamdan Shaarani bermula sejak tahun 1995, mencorak sifat dan bahasa visual di segenap ruang kanvas miliknya dengan watak alam semula jadi yang dilihat sangat dekat dan sinonim dengan manusia. Ketenangan yang ada pada alam mampu membuatkan manusia berfikir, menghargai ciptaan Yang Maha Esa dan berfikir tentang keagunganNya. Apabila mengupas interpretasi ‘Refleksi’, Hamdan Shaarani dilihat terus utuh merungkai sifat dan jati diri manusia dalam setiap karyanya. Membawa refleksi imej di atas permukaan air adalah merupakan bayangan dari imej sebenar. Bayangan imej sebegini adalah bersifat sementara dan tidak kekal, ia sentiasa berubah mengikut alunan dan arus air. Cerminan inilah yang ‘dipasak’ kukuh dalam setiap pengucapan dan pengamatan beliau untuk menggambarkan simbolik hidup seseorang individu itu sendiri.

Alam telah dilihat menjadi sebatи dalam setiap pengucapan dan apresiasi Hamdan, sekaligus diangkat sebagai sumber inspirasi dan rujukan kajian ilmiah beliau. Mengakui hakikat perjuangan Hamdan, dan memetik hujahan ilmiah yang lalu ‘jasmaniah dan rohaniah adalah dua tahap yang perlu dititikberatkan. Matlamat hanya satu iaitu menghayati keindahan dalam bentuk yang mujarad.’(Barasch, M. (2000). Theories of Art, 1 From Plato to Winckelmann. Routledge New York and London). Perkaitannya jelas apabila Zainon Abdullah melalui penulisannya telah menyatakan bahawa biasan yang menghasilkan refleksi bayang merupakan sentuhan Hamdan yang mendatangkan maksud mendalam. Adakalanya beliau bermeditasi dengan memusatkan hati dan jiwanya untuk menghasilkan sebuah karya yang unik. (Abdullah, Z. (2011). Hamdan Shaarani, REFLEKSI. Pelita Hati Gallery).

Tidaklah dinafikan, Hamdan Shaarani merupakan satu-satunya pelukis catan landskap Malaysia yang menggunakan ‘top view’ atau pandangan ‘mata burung’ dalam setiap karya catan beliau. Kebanyakan gambar rujukan karya beliau diambil dari seluruh pelusuk tanahair dan termasuklah negara jiran iaitu Thailand di sekitar Narathiwat. Suhu dan kesan visual tetap sama namun ‘permainan’ Hamdan dari segi komposisi amatlah dititikberatkan. Adakala kesan garapan medium bitumen ke atas sesetengah karya beliau menguatkan lagi sifat subjek mahupun objek yang ingin

diketengahkan. Walaupun sehingga ke penghujung tahun 2016, Hamdan dilihat masih konsisten membawa acuan ini selama 21 tahun, namun sekitar tahun 2011 beliau telah mula tampil dengan teknik dan unsur ‘surface’ buat kali pertama di Galeri G13, Selangor untuk pameran solonya.

Darjah kemuncaknya bermula pada tahun 2010, apabila Hamdan Shaarani mengadakan pameran buat kali pertama di Galeri Pelita Hati, Bangsar di bawah mauduk apresiasinya iaitu Refleksi. Kronologi pengkaryaan beliau telah dilihat mula ‘disusun’ rapi pada tahun 1994 dengan memenangi Hadiah Istimewa anjuran Public Bank Berhad dalam Kenyir Eco-Fest di mana idea asal Hamdan bermula dengan pengisian ‘nafas’ yang berbeza. Beliau terus mengorak langkah selepas itu dengan menyertai beberapa pameran utama lain seperti Pekan Seni Ipoh pada tahun 1996, Warna dan Gerak Rasa di Galeri Maybank pada tahun 1997, Sentuhan Perak pada 1998, Festival Pekan Seni Ipoh V pada tahun 2000, Pameran Danau Hati anjuran Yayasan Kesenian Perak pada tahun 2004, Malaysia Japan Art Changes pada tahun 2005, Biru Hijaunya Belum pada 2006, Across The Border pada tahun 2007, Vibrant Age pada tahun 2008, Kepadamu Kekasih pada tahun 2010, sehinggalah ke Malaysia Eye Exhibition di London pada 2013 dan Pameran Ambiguity pada tahun 2016, Hamdan Shaarani sedikit demi sedikit telah membawa perubahan besar dalam pengkaryaanya.

SAAT INI. Hamdan Shaarani tampil dengan pendekatan yang cukup berbeza. Tidaklah dikatakan meninggalkan pegangan Realisma secara total, namun idea dan pegangan beliau telah diberi paduan yang lebih minimal dan konseptual. Sifat, unsur, subjek mahupun objek terus konsisten dipegang erat oleh beliau dalam pendekatan Semi Abstraknya pada ketika ini. Cuma olahan dan paduan dalam penghasilan karyanya kini diberi ‘nafas’ yang lebih segar dan bertenaga. Kualiti brush stroke dan unsur surface adalah antara watak utama yang menggenggam isi dan makna dalam kebanyakan karya beliau pada ketika ini. Karya beliau dilihat tetap berjaya memikat watak dan subjek ketika era Realismanya dahulu dan terus dibawa secara konsisten dalam karya Semi Abstraknya pada saat ini. Nilai tarikan karyanya tidak pernah memudar walaupun mengalami pendekatan aliran dan pegangan yang berbeza. Dalam karya bertajuk ‘Bias Siri 6’ (Bias #6) pada pameran Ambiguity tahun 2016, telah menampilkan pendekatan dan perubahan besar dalam karyanya. Disitulah bermulanya pegangan ‘baharu’ Hamdan yang dilihat tetap menjunjung sifat, isi, makna dan refleksi dalam diri seseorang individu itu sendiri.



**Figure 1** : Masterpiece by  
Hamdan Shaarani



**Figure 2** : Masterpiece by  
Hamdan Shaarani

BAYANGAN. Perjuangan Hamdan Shaarani dilihat terus ampuh apabila ‘analisa’ berkenaan idea pemikiran dan sifat subjektif minda yang sukar dibaca telah diterjemahkan secara abstrak dan minimal melalui karyanya iaitu ‘*Bias Siri 15*’ (Bias #15) dalam Pameran *Still (a) Life* kali ini yang bertempat di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Seri Iskandar, Perak. Telah disebut dalam pernyataan pengkarya, karya ini mengisahkan tentang pemikiran positif yang lahir dari penjanaan akal yang baik, manakala penjanaan akal yang negatif akan melahirkan sebuah pemikiran yang tidak sihat. Perkaitan ini jelas apabila kajian yang telah dilakukan ke atas air menunjukkan imej atau molekul yang cantik apabila ia didedahkan kepada kata-kata positif. Manakala molekul atau imej akan menjadi buruk dan kelihatan hancur apabila didedahkan dengan kata-kata negatif. Inilah hakikat ‘Bayangan’ yang cuba diketengahkan oleh Hamdan Shaarani apabila mewakilkan pengucapan visual ini untuk mencorak dan mewarna akal manusia agar lebih memahami konsep serta peranan diri dalam menjana sebuah pemikiran yang positif sekaligus membentuk keperibadian tinggi. Ternyata air adalah sifat dan sebuah hakikat dalam mencerminkan makna diri sekaligus sebagai refleksi bayangan yang positif.

Hamdan Shaarani bukanlah seorang artis yang diasah untuk terus bersifat konvensional dan selesa di tampuk Realisma semata-mata, tetapi idea dan pemikirannya telah meletakkan Hamdan dalam aras yang tersendiri. Jadi tidak hairanlah nama-nama pengkarya lain seperti Awang Damit, Suzlee Ibrahim, Yusof Ghani, dan Rafiee Ghani dijadikan sebagai rujukan beliau dalam menghasilkan sesebuah karya seni. Hari ini, impak mujarad seakan telah tertulis kemas sebagai pegangan hakiki Hamdan Shaarani.